



Dua ahli perniagaan buat tuntutan palsu Program Penjana Kerjaya

Oleh **Khairulmizan Yahya** - Januari 26, 2023 @ 4:20pm
bhnews@bh.com.my



Tertuduh, Arabath Ali Arul Alavudeen, 36, dan Mohmmmed Ismail R P Mohd Ibrahim, 62, dituduh mengemukakan tuntutan palsu kepada PERKESO pada Oktober 2020. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang

KUANTAN: Dua ahli perniagaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan hari ini atas tuduhan membuat dua tuntutan palsu kepada PERKESO berjumlah RM43,600, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Arabath Ali Arul Alavudeen, 36, dan Mohmmmed Ismail R P Mohd Ibrahim, 62, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Mengikut pertuduhan, mereka membuat tuntutan secara dalam talian bagi mendapatkan insentif pengambilan pekerja melalui Program Penjana 1.0 yang dilaksanakan kerajaan melalui PERKESO pada 5 dan 6 Oktober 2020.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa mengemukakan permohonan dengan butiran palsu yang mengandungi 17 senarai nama pekerja syarikat Is Catering Sdn Bhd bagi mendapatkan insentif berjumlah RM27,200 sedangkan individu terbabit tidak pernah memohon kerja di syarikat berkenaan.

Tertuduh turut didakwa melakukan kesalahan sama apabila sekali lagi memberikan 10 senarai nama dengan niat mendapatkan insentif berjumlah RM16,400.

Kedua-dua mereka dituduh mengikut Seksyen 24(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 yang mana jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun atau denda tidak lebih lima kali ganda nilai tuntutan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Rifah Izzati Abdul Mutalif memohon kedua-dua tertuduh diikat jamin RM20,000 setiap seorang dengan seorang penjamin selain syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Susulan itu, peguam Venugopal Narasiman yang mewakili Arabath dalam rayuannya memohon jaminan rendah berikutan anak guamnya mempunyai tanggungan empat anak.

Sementara itu peguam R Maran yang mewakili Mohammed Ismail pula menyatakan anak guamnya mempunyai lima tanggungan termasuk ibunya yang uzur dengan pendapatan hanya RM3,000 sebulan.

Hakim kemudian membenarkan jaminan RM18,000 setiap seorang bagi kedua-dua pertuduhan berkenaan selain syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah serta menetapkan sebutan semula kes pada 27 Februari depan.